

## **FAMILY INFLUENCE ON SMOKING HABITS AMONG SECONDARY SCHOOL CHILDREN, 1997**

### **PENGARUHI KELUARGA TERHADAP AMALAN MEROKOK DIKALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH, 1997**

*Abdul Haris Muhammad, Khadijah Shamsuddin*

#### **ABSTRACT**

In April 1997, a cross-sectional study was carried out in Kota Bharu Kelantan to determine family influence on smoking habits among male secondary school children. Parents and siblings smoking habits, family structure, parental supervision, communication between parents and child, parental education and occupation were among family factors that were studied in relation to students' smoking habit. Other factors include having friends who smoked, influence of cigarette advertisement, academic achievement and student's knowledge about the dangers of smoking. For this study, 460 male form four students were randomly selected from six secondary schools. However, 38 (8.3%) of them were not included in the analysis because they did not fill up important sections of the questionnaire. The prevalence of cigarette smoking among male secondary school children was 33.2%. Through crude analysis family factors, father's smoking habit (Odds Ratio 1.85, 95% C.I. 1.08-3.16), brother's smoking habit and lack of parental supervision were found to be significantly associated with students' smoking habit. Influence of cigarette advertisement, having friends who smoked, poor academic achievement and knowledge about the dangers of smoking were among the non-familial factors found to have significant association with students' smoking habits ( $p < 0.05$ ). Further analysis showed that the effect of father's smoking habit on students' smoking habit 'as still significant although other factors like cigarette advertisement, having friends who smoked and student's knowledge about the dangers of smoking were controlled Odds Ratio 1.87, 95% C.I. 1.05-3.32). In conclusion, family influences especially father's smoking habit is an important factor that affects student's smoking habit and the models within the home need to be seriously considered in cigarette smoking prevention among adolescents.

#### **ABSTRAK**

*Satu kajian irisan lintang telah dijalankan di daerah Kota Bharu Kelantan pada bulan April 1997 untuk mengenalpasti pengaruh keluarga terhadap amalan merokok di kalangan pelajar lelaki sekolah menengah. Pengaruh keluarga yang dimaksudkan ialah amalan merokok ibubapa dan adik beradik, struktur keluarga, pengawasan ibubapa terhadap anak, komunikasi antara ibubapa dan anak, tahap pembelajaran dan jenis pekerjaan ibubapa. Selain faktor keluarga, faktor-faktor lain seperti mempunyai kawan yang merokok, pengaruh iklan rokok, tahap pencapaian akademik dan pengetahuan tentang bahaya merokok juga di kaji dalam menentukan amalan merokok pelajar. Responden seramai 460 orang yang terdiri dari pelajar lelaki tingkatan empat telah di pilih secara rawak mudah dari enam buah sekolah di daerah ini. Seramai 38 (8.3%) responden dikeluarkan dari analisa kerana tidak menjawab bahagian penting soal selidik. Didapati prevalens merokok di kalangan pelajar sekolah menengah adalah 33.2%. Analisis kasar menunjukkan faktor keluarga khususnya amalan merokok bapa (Nisbah Odd 1.85, S.K. 95% 1.08-3.16), amalan merokok abang dan kurang pengawasan mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan merokok pelajar. Dalam kajian ini faktor bukan keluarga lain yang juga di dapati signifikan terhadap amalan merokok pelajar adalah pengaruh iklan rokok, kawan yang merokok, pencapaian akademik yang kurang baik dan kurang pengetahuan tentang bahaya merokok ( $p < 0.05$ ). Analisa selanjutnya menunjukkan kesan amalan merokok bapa terhadap amalan merokok pelajar tetap wujud walaupun faktor-faktor lain seperti pengaruh iklan, kawan yang merokok dan pengetahuan pelajar tentang bahaya merokok dikawal (Nisbah Odd 1.87, S.K 95% 1.05-3.32). Dengan itu dapatlah dirumuskan bahawa keluarga iaitu bapa yang merokok sememangnya berpengaruh terhadap amalan merokok di kalangan pelajar dan program pencegahan merokok di kalangan remaja hendaklah mengambil kira peranan bapa sebagai contoh dalam sesebuah keluarga.*